

CCTV tingkat keselamatan

Oleh MUHAMMAD DAYNE AZMIN

KUALA LUMPUR Jun - Penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) berharap pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di beberapa buah PPR di ibu negara mampu mengatasi masalah vandalisme dan jenayah.

Kata mereka, langkah itu juga membuktikan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serius dalam mengatasi masalah yang membawa banyak kerugian itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di PPR Desa Tun Razak, Bandar Tasik Selatan di sini mendapati, lif-lif di situ sudah dipasang dengan CCTV bagi membendung kemudahan itu daripada dirosakkan.

Penduduk yang ditemui berkata, mereka gembira dengan usaha DBKL itu dan berharap tahap keselamatan di semua PPR dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Seorang penduduk, **Othman Mohd.**, 53, mengalu-alukan usaha DBKL bagi mengawal masalah vandalisme sebelum ia menjadi lebih serius.

"Dengan adanya CCTV tersebut, orang ramai tidak perlu lagi takut untuk menggunakan lif seorang diri atau bersama orang yang tidak dikenali kerana tahu ada 'mata' yang memerhatikan aktiviti di dalam lif itu.

Katanya, dengan adanya sistem pengawasan itu, tiada siapa yang berani melakukan vandalisme atau jenayah di dalam lif.

Sistem CCTV di PPR itu merupakan sebahagian daripada Sistem Kawalan Penyeliaan dan Pengumpulan Data (SCADA) DBKL yang beroperasi di Pusat Kawalan Utama di Kompleks Belia di Cheras.

Seandainya sistem itu mengesan kegiatan vandalisme atau jenayah menerusi CCTV tersebut, pusat kawalan itu akan menghubungi pejabat cawangan DBKL dan juga persatuan penduduk supaya tindakan segera dapat diambil.

Setakat ini, sebanyak 130 CCTV di 43 blok telah dihubungkan dengan sistem SCADA iaitu PPR Desa Tun Razak, PPR Sri Kota, PPR Loke Yew, PPR Hang Tuah, PPR Taman Wahyu 2, PPR Gombak Setia, PPR Jelatik dan PPR Seri Tioman 1.

Seorang lagi penduduk, **Mohd. Zubir Ahmad Isa**, 49, berharap kegiatan-kegiatan jenayah dapat dikurangkan dengan



MOHD. ZUBIR



MOHD. SOBRI



ROZI



MOHD. KHAIRUL IKHWAN

wujudnya sistem pemantauan yang berterusan itu.

"Baguslah, tiada lagi kes peras ugut yang boleh dilakukan oleh orang luar semasa menggunakan lif kerana biasanya agak berbahaya untuk gunakan lif terutama pada waktu malam," katanya.

Malah, katanya, pernah terjadi satu kes bunuh di PPR itu pada penghujung tahun lepas dan pemasangan CCTV itu diharap dapat mengurangkan rasa takut penghuni PPR Desa Tun Razak.

Namun, tegasnya, apa yang penduduk harapkan ialah perkhidmatan itu konsisten dan tidak terbiar selepas beberapa ketika.

"Mungkin dalam setahun dua tidak ada kegiatan jenayah berlaku tetapi CCTV itu harus diselenggara sepanjang masa supaya apabila ia diperlukan, ia berfungsi dengan berkesan," katanya.

Mohd. Sobri Harun, 44, juga beranggapan pemasangan CCTV yang dihubungkan secara terus melalui komunikasi isyarat tanpa wayar ke pusat kawasan itu merupakan langkah yang tepat.

"Tetapi, janganlah ia sekadar hangat-hangat tahi ayam. Janganlah selepas beberapa ketika, CCTV itu hanya tinggal kamera sahaja tetapi tidak berfungsi," katanya.

Baginya, kos yang banyak dikeluarkan oleh DBKL dalam memperkenalkan sistem pemantauan itu wajar dimanfaatkan sepenuhnya.

Bagi **Rozi Mahmud**, 55, dia melihat

langkah DBKL itu sebagai bijak kerana selain masalah vandalisme, masalah lain terutama isu sosial di kalangan remaja juga dapat diberikan perhatian serius.

"Kadang-kadang, ada juga remaja mengambil kesempatan melakukan aktiviti yang tidak senonoh di dalam lif ekoran ia tertutup daripada pandangan umum," jelasnya.


Mohd. Khairul Rahim, 15, pula menimbulkan persoalan, bagaimana jika kegiatan jenayah itu dilakukan oleh orang luar.

"Kalau orang yang merosakkan CCTV

itu adalah di kalangan penghuni, mungkin mudah untuk mengenal pasti mereka tetapi kalau orang luar yang melakukannya, saya fikir ia satu masalah," katanya.

Dia berpendapat, kerjasama pihak polis amat diperlukan sekiranya DBKL mahu membanteras masalah vandalisme dan jenayah dengan berkesan.

Katanya, persatuan penduduk juga perlu sentiasa peka dan bersedia sedia supaya mampu bertindak dengan pantas sebaik sahaja menerima laporan.



PANTAU... Salah satu daripada CCTV yang dipasang oleh DBKL di dalam lif di Projek Perumahan Rakyat Desa Tun Razak, Bandar Tasik Selatan.